

**Penulis blog terkenal lawan calon MCA di Raub**  
**Malaysian Insider**  
**April 20, 2013**  
**Oleh Syed Jamal Zahiid**

RAUB, 20 April — Satu lawan satu bagi kerusi Parlimen Raub diantara calon Melayu DAP Datuk Mohd Ariff Sabri yang terkenal dengan blognya Sakmongkol AK47 dan calon MCA Datuk Hoy Khai Mun.

Langkah parti pembangkang itu meletakkan calon Melayu di sini dilihat sebagai percubaan DAP menguji sokongan masyarakat Cina Raub untuk meningkatkan imej parti pelbagai kaum mereka.

Ini juga dilihat sebagai ujian kepada MCA yang semakin kehilangan sokongan masyarakat Cina semenjak Pilihan Raya 2008.

Raub adalah di antara beberapa kerusi MCA yang terselamat daripada tsunami politik 2008.

Ariff melahirkan keyakinan masyarakat Cina Raub akan menyokongnya untuk mengalahkan MCA di kubu kuat mereka pada 5 Mei.

Mengatakan kerja keras beliau selama ini di kerusi separuh luar bandar di Pahang itu menyebabkan masyarakat Cina menerimanya walaupun merupakan seorang Melayu.

"Saya sudah pergi ke kawasan Cina untuk tunjukkan muka dan merapatkan hubungan... (penerimaan) sangat baik.

"Saya rasa kasih sayang yang tulen dan keinginan untuk perubahan. Saya agak selesa dengan sentimen di kalangan kaum Cina," katanya kepada The Malaysian Insider selepas memfailkan kertas pencalonannya di sini.

Naib presiden MCA Datuk Seri Ng Yen Yen menang di Raub dengan lebih 5,000 majoriti tetapi digugurkan daripada BN. Beliau dikaitkan dengan beberapa pertuduhan rasuah akan tetapi Ng menafikannya.

Di Raub, Ariff mengambil kesempatan diatas kemarahan masyarakat Cina berhubung penggunaan racun siniada di lombong emas di Bukit Koman.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Umno itu mengatakan isu alam sekitar akan menguasai isu kempen di Raub.

"Sudah tentu ianya merupakan isu besar di sini," katanya.

Sementara Hoy mengatakan dakwaan kekecewaan masyarakat Cina kepada MCA kerana kurang mengambil tindakan adalah tidak benar.

Hoy yang juga bekas anggota Exco bagi kerajaan negeri Pahang mengatakan partinya menendahkan rayuan penduduk Bukit Koman untuk mengkaji isu itu dengan menubuhkan sebuah panel bebas untuk mengkaji kesan alam sekitar dari Raub Australian Gold Mining (RAGM).

"Kami telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk melihat mengenainya, sama ada ada atau tidak ada kesan alam sekitar," katanya kepada The Malaysian Insider selepas

memfailkan kertas pencalonannya di sini.

Apabila ditanya sama ada kewujudan panel itu sudah cukup untuk mengurangkan kemarahan di kalangan pengundi Cina tempatan, Hoy enggan mengulas tetapi berkata:

“Orang Cina perlu tahu bahawa mereka akan menentukan masa depan negara”.

Penduduk mendakwa mereka terdedah kepada kepekatan siniada sebanyak 0.5 sehingga 0.8ppm setiap hari, walaupun Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob mendakwa pada September tahun lepas isu ini adalah agenda parti-parti pembangkang dan bukan satu isu alam sekitar.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/penulis-blog-terkenal-lawan-mca-di-raub/>